

12 JUN 2000

Mahathir-Ling

DR LING LAKSANA TUGAS DENGAN CUKUP BAIK, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik melaksanakan tugasnya

dengan cukup baik terutama dalam pembangunan pelabuhan negara.

"Beliau datang jumpa saya sebelum saya ke sini. Dia terima nasihat saya

supaya tidak letak jawatan kerana saya berpendapat bahawa kerja yang dibuat

oleh beliau adalah sesuatu yang baik," katanya pada persidangan berita di

sini pada akhir lawatan kerja seminggu ke Jepun.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya mengenai keputusan Dr

Ling untuk menarik balik hasratnya meletakkan jawatan kabinet itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia mencapai banyak kemajuan terutama dalam

bidang pelabuhan sepanjang Dr Ling menjadi menteri.

"Ada ketikanya prestasi pelabuhan-pelabuhan negara adalah

"sangat tidak

memuaskan" kerana semua pelabuhan mengendalikan kurang daripada satu juta

kontena setahun dan ia hanya menjadi pelabuhan singgah yang mengendalikan

barangan untuk Singapura.

"Kita belanja banyak wang buat pelabuhan tapi tak digunakan.

Sekarang

ini kita tak lagi jadi pelabuhan singgah dan kita telah meningkatkan pengendalian kontena," kata beliau.

Dr Mahathir berkata di Pelabuhan Klang sahaja, tiga pelabuhan --

Pelabuhan Utara, Klang Container Terminal dan Pelabuhan Barat - mengendalikan tiga juta kontena setahun tidak termasuk pelabuhan

Pasir

Gudang, Tanjung Pelepas dan Pulau Pinang.

"Malahan, Pelabuhan Kuantan sedang diperbesarkan bagi mengendalikan

lebih banyak laluan kapal.

"Ini semua adalah hasil usaha Dr Ling. Kalau dia berhenti, saya terpaksa ambil orang baru yang mungkin tidak ada pengalaman,"

katanya.

Perdana Menteri berkata Dr Ling telah menjalinkan hubungan baik dengan

para pemilik kapal dari seluruh dunia termasuk Eropah, Amerika Syarikat,

Jepun, Korea, Taiwan dan Hong Kong.

"Mereka telah menjadi teman bermain golf beliau dan dalam

perniagaan
seperti ini, adalah penting untuk menjalinkan hubungan yang lebih
peribadi
dan Dr Ling telah melakukannya.

"Jadi, apa pun yang mungkin dikatakan orang tentang beliau, bagi
pihak
kerajaan, kita berasa gembira kerana beliau telah menarik balik
peletakan
jawatannya," kata Dr Mahathir.

Menjawab soalan wartawan mengenai pertemuan beliau dengan Dr
Ling pada
peringkat awalnya, Dr Mahathir berkata, "Dia ada masalah sikit.
Sedikit
masalah peribadi...semua orang buat tuduhan-tuduhan terhadapnya dan
dia
berasa kecewa."

"Tapi beliau mempunyai komitmen terhadap kerajaan. Sebab itu
saya minta
dia supaya jangan hantar surat peletakan jawatannya semasa berjumpa
saya.
Dan saya sendiri tidak mahu terima sebarang surat peletakan
jawatan," kata
beliau.

Selasa lepas, Dr Ling mengumumkan bahawa beliau akan terus
memegang
jawatan kabinet itu. Dr Ling yang juga Presiden MCA membuat
keputusan itu
selepas pulang daripada percutian 10 hari di Perth bagi menimbang
semula
hasratnya untuk meletakkan jawatan pada 22 Mei lepas.

-- BERNAMA
GM NAK